

02/03/2004

Beberapa pemimpin veteran dijangka tidak bertanding

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin veteran dijangka tidak bertanding mempertahankan kerusi masing-masing pada pilihan raya umum ke-11 yang dijangka diadakan bila-bila masa saja.

Antara yang menyuarakan hasrat atau membayangkan tidak bertanding ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (Kubang Pasu); bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (Labis); bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin (Merbok); bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Tan Sri Zaleha Ismail (Gombak) dan bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Dr Sulaiman Daud (Petra Jaya, Sarawak).

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie (Kanowit) dan Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi (Kuala Rajang) juga dikatakan sudah menyuarakan hasrat untuk bersara.

Peringkat negeri pula termasuk Pengerusi MCA Kota Melaka, Datuk Wira Gan Boon Leong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Duyung dan bekas Pengerusi MCA Pulau Pinang yang juga Adun Bagan Jermal, Tan Sri Dr Sak Cheng Lum.

Adun Gemencheh, Datuk Waad Mansor dan Adun Palong, Datuk Kamaruddin Mohd Din, kedua-duanya di Negeri Sembilan serta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam yang kini berstatus Senator, juga dikatakan tidak akan dipilih sebagai calon kerana masing-masing sedang disiasat atau menghadapi tuduhan di mahkamah bersabit kes rasuah.

Ahli Parlimen Sik dari Pas, Prof Datuk Shahnun Ahmad, juga pernah melahirkan hasrat untuk meletak jawatan atas sebab kesihatan.

Dr Mahathir yang menyandang kerusi Parlimen Kubang Pasu sejak 29 tahun lalu, sebelum ini mengesahkan beliau tidak akan mempertahankan kerusi berkenaan, tetapi yakin kawasan itu masih selamat untuk BN dan berjanji akan membantu calon BN.

Ahli Parlimen Kuala Rajang, Effendi dilaporkan tidak mahu bertanding dengan alasan kesihatan.

Beliau tidak dapat dihubungi untuk mengesahkan perkara itu, tetapi Setiausaha Sulitnya, Khairul Yusni Md Yusof, berkata Effendi semalam mendapat rawatan sakit tekak di Pusat Rawatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang.

Ling pula, selepas tiga hari meletakkan jawatan Presiden MCA pada Mei tahun lalu, menyatakan tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Labis yang disandangnya sejak 1986.

Daim juga beberapa kali mengumumkan beliau tidak akan bertanding mempertahankan kerusi Merbok.

Sementara itu, Zaleha ketika dihubungi berkata, beliau sudah menyatakan hasrat untuk berundur diri bagi memberi laluan kepada muka baru bertanding di kawasan Parlimen itu.

Bagaimanapun, Zaleha memberi jaminan akan terus berkhidmat untuk Umno dan BN sehingga ke akhir hayat.

Gan ketika dihubungi berkata, beliau memang berhasrat untuk berundur selepas memenangi pilihan raya umum 1999 kerana sudah bertanding lebih lima penggal dan 22 tahun berkhidmat kepada masyarakat.

"Namun, saya akan terus membantu MCA dan BN pada pilihan raya umum untuk memastikan BN menang besar di Melaka," katanya.